

PM: DEB masih relevan  
Malaysiakini.com  
Disember 15, 2010

Datuk Seri Najib Razak berkata, Dasar Ekonomi Baru (DEB) masih relevan walaupun tempoh pelaksanaannya sudah berakhir.

Perdana Menteri berkata, dalam konteks negara berbilang etnik yang penduduknya mempunyai tahap kemajuan serta pencapaian yang pelbagai, DEB yang diperkenalkan pada 1970 sehingga 1990 tidak hanya tertumpu membantu golongan Bumiputera tetapi semua rakyat berpeluang mendapat faedah daripada pembangunan negara.

NONE"Strategi DEB, iaitu pembasmian kemiskinan tanpa mengira kumpulan etnik dan penyusunan semula masyarakat adalah untuk menghapuskan pengenalan etnik berasaskan fungsi ekonomi.

"Ia dilaksana dalam konteks ekonomi yang berkembang bagi memastikan semua kumpulan etnik dapat menyertai kegiatan ekonomi dan menikmati kekayaan secara adil dan saksama," katanya dalam jawapan bertulis kepada pertanyaan Tony Pua Kiam Wee (DAP-Petaling Jaya Utara) pada persidangan Dewan Rakyat, hari ini.

Pua ingin tahu dasar-dasar afirmatif Bumiputera semasa yang akan dirombak supaya ia menjadi lebih mesra pasaran dan berasaskan merit dan menuju kepada golongan Bumiputera berpendapatan 40 peratus yang terendah.

Najib yang juga Menteri Kewangan berkata, langkah mengkaji semula instrumen sedia ada akan terus dilaksanakan manakala instrumen baru akan diperkenalkan dari semasa ke semasa ke arah pencapaian agenda pembangunan nasional.

new economic policy nepBeliau berkata, di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMK-10) dasar afirmatif akan dilaksana secara inklusif berasaskan prinsip mesra pasaran, asas keperluan, merit dan ketelusan.

Katanya, dasar itu dilaksana bertujuan menangani masalah ketaksamaan ekonomi secara membina dan produktif bagi memastikan semua golongan masyarakat dapat menyertai dan menikmati hasil pembangunan negara secara saksama.

"Menerusi dasar itu, tumpuan khusus diberi kepada kumpulan isi rumah 40 peratus terendah berdasarkan keperluan termasuk masyarakat Orang Asli, Bumiputera minoriti Sabah dan Sarawak, isi rumah miskin bandar dan luar bandar, penduduk kampung baru Cina dan pekerja estet," katanya.

Copyright © 1999-2007 Mkini Dotcom Sdn. Bhd.  
Source : <http://www.malaysiakini.com/news/150866>